

31/05/2001

Usaha gigih penentu kecemerlangan akademik

ISU mengenai siapa yang lebih pintar sama ada pelajar lelaki atau pelajar perempuan amat menarik sekali. Malah, isu ini mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekali gus meminta pihak tertentu mengenal pasti punca berlakunya keadaan ini. Fenomena ini timbul berikutan statistik yang dikeluarkan kebanyakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bahawa bilangan pelajar lelaki yang di-terima masuk belajar di IPTA bagi sesi akademik 2001/2002 semakin kecil.

Sebagai respon kepada isu di atas, pelbagai pihak termasuk tokoh politik, ahli akademik, pakar motivasi dan pelajar sendiri memberi jawapan dan ulasan yang hampir sama iaitu kecemerlangan seseorang pelajar berpunca daripada komitmen mereka sendiri terhadap pelajaran.

Hakikatnya, Allah menjadikan manusia itu sama dari segi kebolehan, mungkin jika ada yang dikuniakan otak yang pintar bilangannya kecil dan boleh dikira dengan jari. Yang menjadikan seseorang itu berbeza ialah sikap, komitmen dan usaha tanpa mengenal jemu serta bijak mengurus masa dengan bijaksana di samping nasib seseorang.

Satu lagi faktor yang menyebabkan pelajar lelaki dilihat kurang menyerlah dalam bidang akademik kerana mereka kurang berminat dan tidak memberi komitmen bersungguh-sungguh dalam pelajaran. Sebenarnya, disiplin diri dan pengurusan masa yang bijak banyak membantu kecemerlangan seseorang pelajar. Tidak timbul persoalan pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum tidak boleh mencapai kecemerlangan dalam akademik. Terpulang kepada individu itu sendiri untuk menggunakan potensi yang ada untuk kebaikan diri.

Inilah cabaran yang perlu diberi perhatian pelajar lelaki. Mampukah mereka meningkatkan usaha dan kembali menyaingi pelajar perempuan. Tepuk dada tanya selera.

(END)